

ORIGINAL ARTICLE



MJSSH
Muallim Journal of
Social Science and Humanities

KAJIAN PENGGUNAAN BAHASA ARAB DI BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD DAN MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU PERAK (MAIPK)

STUDY OF THE USE OF ARABIC AT BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD AND MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU PERAK (MAIPK)

Ahmad Farid Fadhli Mustafa ^{*1}, Mohd Yahya Mohd Hussin ²

¹ Centre for Languages and Foundation Studies, Universiti Sultan Azlan Shah, Malaysia.

Email: farid@usas.edu.my

² Faculty of Management and Economics, Sultan Idris Education University, Malaysia.

Email: yahya@fpe.upsi.edu.my

*Corresponding author

DOI: <https://doi.org/10.33306/mjssh/89>

Abstract

The Arabic language learning and teaching scenario is based solely on the basic courses taken to qualify for the graduation process. This study was conducted to identify the use of Arabic terms as well Islamic practices used in financial institutions by officials and to know the use of Arabic as a lingua franca in Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) and Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk). The results of this study propose a guideline for designing the development of Arabic language modules suitable for use as Malaysian Institute of Higher Education for job preparation.

Keywords: Consumer Reviews, Arabic for Special Purposes, Arabic for Muamalat, Islamic Banking and Finance

Abstrak

Senario pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab hanya kepada kursus asas yang diambil bagi memenuhi syarat untuk proses pengijazahan. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti penggunaan istilah bahasa Arab serta muamalat Islam yang digunakan di Institusi kewangan oleh pegawai serta mengetahui penggunaan bahasa Arab sebagai bahasa perantaraan di Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) dan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk). Hasil dari dapatan kajian ini mencadangkan agar satu garis panduan bagi merangka pembangunan modul

bahasa Arab untuk muamalat yang bersesuaian sebagai kegunaan Institut pengajian tinggi di Malaysia bagi persediaan untuk pekerjaan.

Kata Kunci: Kajian Kepenggunaan, Bahasa Arab untuk Tujuan Khusus, Bahasa Arab Muamalat, Perbankan dan Kewangan Islam

This article is licensed under a Creative Commons Attribution-Non Commercial 4.0 International License



Received 16th April 2020, revised 30th April 2020, accepted 5th May 2020

Pengenalan

Bahasa Arab ditransliterasikan sebagai *al-'Arabīyyah* atau secara mudahnya Arab merupakan sebuah bahasa terbesar dari segi jumlah penutur dalam keluarga bahasa semetik. Bahasa ini muncul dari daerah yang sekarang termasuk wilayah negara Arab. Bahasa ini berkait rapat dengan bahasa Ibrani dan bahasa Aramia. Bahasa Arab Moden telah dikelaskan sebagai satu makro bahasa dengan 27 sub-bahasa dalam ISO 639-3. Bahasa-bahasa ini dituturkan di seluruh Dunia Arab.

Bahasa Arab moden berasal daripada bahasa Arab klasik yang telah menjadi bahasa kesusasteraan di dalam Islam sejak sekitar abad ke-6. Skrip Arab ditulis dari kanan ke kiri. Bahasa Arab telah memberi banyak kosa kata kepada bahasa lain dari dunia Islam, sama seperti peranan Latin kepada kebanyakan bahasa Eropah. Semasa Zaman Pertengahan bahasa Arab juga merupakan alat utama budaya, terutamanya dalam sains, matematik dan falsafah, yang menyebabkan banyak bahasa Eropah turut meminjam banyak kata daripadanya.

Sesungguhnya istilah-istilah bahasa Arab di dalam institusi kewangan Islam dan Majlis Agama Islam dan adat Melayu Perak (MAIPk) ada diguna pakai. Sistem kewangan Islam mula menonjol dalam arena kewangan antarabangsa kini. Sehingga kini, para sarjana Islam kontemporari masih terhutang budi dari sudut penggunaan istilah kepada sesetengah instrumen mahupun akad yang pernah dikemukakan oleh para sarjana fiqh silam.

Dalam penawaran produk perbankan Islam misalnya, prinsip-prinsip asas muamalat Islam yang dibicarakan secara mendalam dalam kitab-kitab fiqh silam seperti *al-Murabahah*, *al-Bai' bi Thaman Ajil*, *al-Ijarah*, *al-Istisnah'*, *al-Mudarabbah*, *al-Musharakah*, *al-Qard al-Hasan* dan sebagainya. Hakikatnya, perundangan Islam tradisional telah mempunyai beberapa instrumen kewangan bagi memenuhi keperluan pelbagai pihak sebelum munculnya sistem perbankan yang dipelopori oleh negara Eropah.

Tujuan

Kajian ini dijalankan berdasarkan beberapa objektif yang berikut:

1. Mengenal pasti sejauh manakah pegawai-pegawai memahami dan mengetahui istilah bahasa Arab serta muamalat Islam yang digunakan di Institusi Kewangan.

2. Mengetahui penggunaan bahasa Arab sebagai bahasa perantaraan di institusi-institusi tersebut.

Batasan Kajian

Kajian ini hanya dilakukan terhadap pegawai di BIMB, Ipoh dan MAIPk (Bahagian Zakat, Baitulmal & Waqaf) di Ipoh. Responden kajian diambil hanya 25 orang bagi setiap agensi tersebut. Di samping itu, instrumen yang digunakan hanyalah borang soal selidik yang diberikan kepada responden.

Kajian Literatur

Kajian keperluan ini akan melihat kepada beberapa kajian terdahulu yang berkaitan untuk dijadikan panduan dalam menjalankan kajian sebenar. Berdasarkan pencarian yang dilakukan, terdapat beberapa kajian membabitkan bahasa Arab dan muamalat dalam kalangan pelajar kewangan Islam yang dilakukan antaranya mendapati keperluan kepada bahasa Arab lebih tertumpu kepada aspek kosa kata dan istilah kewangan dan perbankan. Selain itu, penggunaan dan pemilihan bahan pengajaran autentik seperti video dilihat relevan dengan latar belakang demografi pegawai (umur, tahap bahasa, keluarga). Mereka juga mencadangkan pembinaan kurikulum yang menyeluruh dari segi kesesuaian kandungan modul dengan keperluan dan minat pelajar, pedagogi yang kreatif dan inovatif bercirikan mesra pelajar dan struktur pengurusan pendidikan yang seiring dengan kehendak dan keperluan semasa Pendidikan 4.0. (Nor Zahidah Ahmad et. al, 2019)¹

Terdapat juga kajian yang dijalankan bagi mengenal pasti dua perkara iaitu pengetahuan serta keperluan istilah bahasa Arab di kalangan pelanggan di institusi perbankan. Dapatan kajian mendapati 53.7% bersetuju dan 21.8% sangat bersetuju bahawa satu modul bahasa Arab bagi meningkatkan kefahaman pelanggan di institusi perbankan perlu dibangunkan. Oleh yang demikian, usaha bagi memperluaskan penggunaan istilah bahasa Arab khususnya perkara yang melibatkan kewangan Islam di institusi perbankan ini wajarlah disokong dan dibantu. (Ahmad Farid Fadhli Mustafa et. al, 2019)²

Seterusnya kajian bagi mengenal pasti manifestasi praktis sosial wacana muamalat yang dimanfaatkan dalam kerangka sistem ekonomi konvensional menggunakan pendekatan Analisis Wacana Kritis Fairclough, dan menganalisis teks yang mendasari pembentukan wacana muamalat dalam kerangka sistem ekonomi konvensional. Kajian ini menggunakan kaedah analisis wacana Teks Ulasan Operasi Pengarah Urusan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) dijadikan sebagai bahan kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa praktis sosial yang dimanfaatkan dalam wacana muamalat adalah ihsan yang di manifestasi melalui penggunaan kata/istilah. Dari segi leksikal pula didapati wacana muamalat bukan sahaja menggunakan kata/istilah Melayu bukan lazim dan kata/istilah Arab tulen dalam teks berbahasa Melayu, malah terdapat juga penggunaan kata/istilah gabungan Melayu-Arab. (Mohamad Fitri Mohamad Yusoff et. al, 2014)³

Selain itu terdapat kajian yang memberi sumbangan yang cukup signifikan kepada bidang gelagat pengguna Islam dan penentu pemilihan bank sama ada dari aspek teoretikal mahupun empirikal. Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menemukan bahawa kepatuhan Muslim di Terengganu hanyalah di tahap sederhana. Sungguhpun mereka cukup terdedah kepada sistem

pemerintahan berteraskan Islam, kekuatan ini belum dapat menjamin mereka untuk mempamerkan gelagat yang ideal. Selain itu juga, terdapat pelbagai karya berkaitan istilah terhasil berdasarkan kerangka konsep penentu pemilihan nank menurut muslim yang ideal (PPBMMI) serta menemukan 8 penentu utama, iaitu pertimbangan halal dan haram, penggunaan berkualiti, pulangan masalah, penggunaan mengikut keutamaan, reputasi dan pengesyoran, ciri-ciri produk dan perkhidmatan, keselesaan, dan pemasaran dan pengiklanan. (Ahmad Azrin Adnan, 2010)⁴

Kajian berkaitan tahap penggunaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan sebab yang menghalang penguasaan bahasa Arab telah dijalankan terhadap 130 orang pelajar Sarjana Muda bahasa Arab di 5 buah UA iaitu UPM, UKM, UM, UIAM dan USIM. Hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar IPTA tempatan adalah rendah, sama ada di dalam ataupun luar bilik kuliah. Tahap penggunaan bahasa Arab yang rendah itu disebabkan oleh faktor luaran dan dalaman. Faktor dalaman adalah perasaan pelajar terhadap bahasa yang dipelajari seperti malu, tidak yakin, takut, tidak bersemangat dan sebagainya. Dapatan kajian ini memberi implikasi praktikal terhadap teknik dan kaedah pengajaran bahasa Arab dalam usaha mempertingkatkan penggunaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar. (Ab. Halim Mohamad, 2009)⁵

Metodologi Kajian

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, metodologi membawa maksud sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan atau disiplin. Maksud lain metodologi ialah kaedah, jalan, teknik, gaya, ragam, rentak, corak dan sistem. Kajian ini menggunakan kaedah menganalisis dokumen dan kaedah kajian kuantitatif dengan menggunakan instrumen borang soal selidik. Kajian ini menggunakan borang soal selidik dan ia diberikan kepada 50 orang pegawai di BIMB dan MAIPk (Bahagian Zakat, Baitulmal & Waqaf) di Ipoh.

Borang soal selidik tersebut dibahagi kepada tiga bahagian. Bahagian Pertama melihat latar belakang responden. Bahagian Kedua pula melihat kepada pengetahuan penggunaan bahasa arab dengan menggunakan jawapan “ya atau tidak”. Bahagian Ketiga pula melihat kepada responden dengan penggunaan bahasa arab dengan menggunakan jawapan berbentuk skala SS) sangat setuju S) setuju, TS) tidak setuju dan STS) sangat tidak setuju.

Data-data yang dikumpulkan dari borang soal selidik yang dikemukakan kepada responden kajian akan dianalisis. Dapatan daripada analisis tersebut akan dibuat rumusan dan mengenal pasti aspek kepentingan dan keperluan bahasa Arab bagi mengatasi masalah dan kelemahan yang wujud dalam memahami istilah-istilah muamalat.

Instrumen Kajian

Kaedah untuk mengumpul data-data dan mendapatkan maklumat yang tepat, pengkaji menggunakan metodologi kajian yang bersesuaian. Oleh itu, bahagian ini akan membincangkan instrumen kajian dan prosedur analisis data bagi menjawab persoalan-persoalan kajian yang telah dikemukakan lebih awal.

Instrumen ialah proses menyediakan alat mengumpul dan menerusi konsep yang berkaitan dengan sikap, persepsi, pandangan dan keterangan latar belakang. Dalam kajian ini, instrumen yang diguna pakai untuk mendapatkan data adalah dengan menggunakan borang soal selidik.

Dapatan dan Analisis Kajian

Berikut dinyatakan dapatan dan analisis dari pengumpulan data soal selidik yang terkumpul daripada 50 orang responden yang dipilih. Data-data ini telah dianalisis secara terperinci mengikut bahagian.

BAHAGIAN A: Maklumat Responden

Bahagian A ini melihat kepada maklumat berkaitan responden yang terlibat di dalam kajian ini.

Jadual 1.1
Jantina Responden

JANTINA	NILAI	PERATUSAN
Lelaki	14	28%
Perempuan	36	72%

Dapatan hasil kajian menunjukkan daripada 50 orang responden, seramai 14 orang 28% adalah terdiri daripada responden lelaki, manakala bakinya sebanyak 36 orang 72% adalah responden perempuan. Terdapat jurang yang besar dalam pemilihan jantina responden. Maklumat yang lebih jelas boleh dilihat pada jadual 1.1 di atas. Oleh yang demikian, jantina yang dipilih perlulah seimbang agar jawapan yang diperoleh tidak memihak kepada satu jantina sahaja.

Jadual 1.2
Umur Responden

UMUR	NILAI	PERATUS
18-29	25	50%
30-39	16	32%
40-49	6	12%
50 >	3	6%

Berdasarkan hasil kajian, daripada 50 orang responden yang disoal selidik, seramai 25 orang 50% adalah terdiri daripada responden yang mempunyai golongan umur antara 18 hingga 29 tahun. Manakala responden yang berumur 30 hingga 39 tahun adalah terdiri daripada 16 orang 32%. Diikuti dengan responden yang berumur 40 hingga 49 tahun adalah 6 orang 12% dan selebihnya berumur 50 tahun ke atas iaitu 3 orang 6% seperti yang ditunjukkan dalam jadual 1.2 di atas. Responden yang berbeza usia ini adalah responden yang mempunyai tahap penggunaan bahasa Arab yang berbeza.

Jadual 1.3
Jawatan & Gred Responden

KUMPULAN JAWATAN & GRED	NILAI	PERATUSAN
Pengurusan dan Profesional (Gred 41-54)	16	32%
Kumpulan Sokongan 1 (Gred 17-38)	26	52%
Kumpulan Sokongan 2 (Gred 1-16)	8	16%

Berdasarkan hasil kajian, daripada 50 orang responden yang disoal selidik, seramai 16 orang 32% adalah terdiri daripada responden yang tergolong dalam kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 41 hingga 54). Manakala responden yang tergolong dalam kumpulan Sokongan 1 (Gred 17 hingga 38) adalah terdiri daripada 26 orang 52% dan selebihnya adalah seramai 8 orang 16% daripada kumpulan Sokongan 2 (Gred 1 hingga 16) seperti yang ditunjukkan dalam jadual 1.3. Kebanyakan responden adalah dalam kumpulan Sokongan 1 (Gred 17 hingga 38) yang banyak berkhidmat dalam Institusi Kewangan.

Jadual 1.4
Tempoh Perkhidmatan Responden

TEMPOH PERKHIDMATAN	NILAI	PERATUSAN
Kurang dari 1 tahun	6	12%
1 hingga 5 tahun	20	40%
5 hingga 10 tahun	15	30%
10 tahun ke atas	9	18%

Dapatan hasil kajian menunjukkan daripada 50 orang responden, seramai 6 orang 12% telah berkhidmat kurang dari 1 tahun dalam perkhidmatan awam. Manakala seramai 20 orang 40% telah berkhidmat selama 1 hingga 5 tahun dan seramai 15 orang 30% telah berkhidmat selama 5 hingga 10 tahun dalam perkhidmatan awam. Manakala selebihnya lagi seramai 9 orang 18% telah berkhidmat lebih dari 10 tahun dalam perkhidmatan awam seperti yang ditunjukkan dalam jadual 1.4 di atas.

BAHAGIAN B: Pengetahuan Penggunaan Bahasa Arab

Bahagian B akan melihat kepada pengetahuan bahasa Arab dalam kalangan pegawai dalam muamalat mereka:

Jadual 2.1

Penggunaan Bahasa Arab Ketika Berurusan

Adakah anda menggunakan bahasa Arab ketika berurusan?	Ya	12	24%
	Tidak	38	76%

Berdasarkan maklumat yang diperoleh, kajian mendapati 12 orang (24%) menggunakan bahasa Arab dalam urusan kerja dan selebihnya iaitu seramai 38 orang (76%) tidak menggunakannya dalam urusan kerja. Ini menunjukkan secara umumnya bahawa kebanyakan responden kurang menggunakan bahasa Arab dalam urusan kerja.

Jadual 2.2

Kepentingan Penggunaan Bahasa Arab Dalam Urusan Muamalat

Adakah anda merasakan kepentingan penggunaan bahasa Arab dalam urusan muamalat?	Ya	16	32%
	Tidak	34	68%

Rumusan kajian ini bertepatan dengan hasil kajian yang mendapati hanya 16 orang responden (32%) sahaja yang mengatakan bahawa pentingnya penggunaan bahasa Arab dalam urusan muamalat dan bagi 34 orang responden (68%) mengatakan penggunaan bahasa Arab dalam urusan kerja tidak penting.

Jadual 2.3

Pemahaman Perkataan Bahasa Arab Ketika Berurusan

Adakah anda memahami perkataan-perkataan bahasa Arab yang diguna pakai ketika berurusan?	Ya	12	24%
	Tidak	38	76%

Selain itu, majoriti responden iaitu sebanyak 38 orang (76%) yang tidak memahami secara terperinci perkataan bahasa Arab yang diguna pakai ketika berurusan dengan pelanggan dan hanya 12 orang responden (24%) sahaja yang fahami dengan penggunaan bahasa Arab yang digunakan ketika berurusan dengan pelanggan.

Jadual 2.4

Penggunaan Istilah Muamalat Arab Di Kaunter

Adakah anda menggunakan istilah muamalat bahasa Arab ketika berurusan di kaunter?	Ya	29	58%
	Tidak	21	42%

Di samping itu, 29 orang (58%) pernah menggunakan istilah-istilah muamalat bahasa Arab ketika berurusan di kaunter manakala 21 orang responden (42%) tidak pernah menggunakan istilah bahasa Arab ketika berurusan di kaunter.

Jadual 2.5

Penggunaan Istilah Bahasa Arab Dalam Produk Zakat Atau Perbankan Islam

Adakah anda ada menggunakan istilah bahasa Arab bagi menerangkan produk zakat atau perbankan Islam?	Ya	18	36%
	Tidak	32	64%

Selain itu, 18 orang (36%) sahaja yang pernah menggunakan istilah-istilah bahasa Arab bagi menerangkan produk zakat atau perbankan Islam kepada pelanggan hanya dan 32 orang (64%) tidak pernah menggunakannya menggunakan istilah-istilah bahasa Arab bagi tujuan tersebut.

Jadual 2.6

Minat Dalam Menguasai Bahasa Arab

Adakah anda berminat untuk menguasai bahasa Arab?	Ya	30	60%
	Tidak	20	40%

Selain itu, mereka ditanya mengenai minat untuk menguasai bahasa Arab, kajian mendapati 30 orang (60%) ingin meningkatkan lagi dalam penguasaan bahasa Arab berbanding 20 orang (40%) yang tidak berminat untuk mendalami bahasa Arab.

Jadual 2.7

Keperluan Penggunaan Bahasa Arab Dikomersialkan Kepada Pelanggan

Adakah anda bersetuju bahawa penggunaan bahasa Arab dikomersialkan kepada pelanggan?	Ya	18	36%
	Tidak	32	64%

Walau bagaimanapun, hanya 18 orang responden (36%) bersetuju untuk mengkomersialkan penggunaan bahasa Arab kepada pelanggan, manakala 32 orang responden (64%) tidak bersetuju untuk mengkomersialkannya.

Jadual 2.8

Keperluan Kursus Bahasa Arab Bagi Urusan Di Perniagaan

Adakah kursus bahasa Arab diperlukan untuk berurusan di agensi perniagaan?	Ya	29	58%
	Tidak	21	42%

Kajian juga mendapati, responden sebanyak 29 orang (58%) menyatakan bahawa kursus bahasa Arab diperlukan untuk berurusan di agensi perniagaan tidak diperlukan dan 21 orang (42%) menyatakan perlu adanya kursus bahasa Arab untuk berurusan di agensi perniagaan.

BAHAGIAN C: Penggunaan Bahasa Arab

Bahagian C akan melihat kepada penggunaan bahasa Arab:

Jadual 3.1

Bahasa Arab Penting Di Kaunter

		SS	S	TS	STS
Bahasa Arab penting ketika berurusan di kaunter	N	4	15	23	11
	%	2	30	46	22

Jadual 3.1 menunjukkan skala tahap kepuasan bagi kepentingan bahasa Arab ketika berurusan di kaunter. Sebanyak 46% tidak setuju dengan kepentingan bahasa Arab ketika berurusan di kaunter. Ini kerana responden dan pelanggan sering menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa perantaraan. Sebanyak 30% pula bersetuju penggunaan bahasa Arab ketika berurusan di kaunter adalah penting. Selain itu, sebanyak 22% sangat tidak bersetuju kepentingan bahasa Arab ketika berurusan di kaunter dan hanya 2% sahaja yang menyatakan sangat setuju bahasa Arab penting ketika berurusan.

Jadual 3.2

Keselesaan Menggunakan Istilah Bahasa Arab

		SS	S	TS	STS
Keselesaan menggunakan istilah bahasa Arab berbanding istilah bahasa Melayu	N	8	13	19	16
	%	4	26	38	32

Jadual 3.2 menunjukkan skala keselesaan menggunakan istilah bahasa Arab berbanding istilah bahasa Melayu. Sebanyak 38% tidak setuju bahawa mereka selesai menggunakan istilah bahasa Arab berbanding istilah bahasa Melayu. Ini kerana mereka tidak mahir dengan penggunaan bahasa Arab dikuatkan lagi dengan sebanyak 32% juga sangat tidak setuju akan keselesaan menggunakan istilah bahasa Arab berbanding bahasa Melayu. Namun, sebanyak 26% bersetuju dan 4% sangat setuju dengan keselesaan menggunakan istilah bahasa Arab.

Jadual 3.3

Mudah Berkomunikasi Dalam Bahasa Arab

		SS	S	TS	STS
Mudah berkomunikasi menggunakan bahasa Arab	N	-	5	25	20
	%	-	10	50	40

Jadual 3.3 menunjukkan skala mudah berkomunikasi dalam bahasa Arab. Sebanyak 50% iaitu separuh daripada responden menyatakan tidak bersetuju bahawa berkomunikasi dalam bahasa Arab mudah, ini dikuatkan dengan 40% responden yang sangat tidak setuju dengan kenyataan tersebut. Sebanyak 10% pula bersetuju bahawa berkomunikasi bahasa Arab adalah mudah.

Jadual 3.4

Bahasa Arab Sebagai Bahasa Perantaraan

	SS	S	TS	STS
Penggunaan bahasa Arab sebagai bahasa perantaraan	-	7	24	19
	%	14	48	38

Jadual 3.4 menunjukkan sekala menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa perantaraan. Majoriti sebanyak 48% tidak bersetuju bahasa Arab digunakan sebagai bahasa perantaraan dan seramai 38% pula sangat tidak setuju kerana pelanggan yang sering berurusan dengan mereka adalah bangsa Melayu yang menggunakan bahasa Melayu. Namun, sebanyak 14% bersetuju bahasa Arab digunakan sebagai bahasa perantaraan.

Jadual 3.5

Pemahaman Konsep Muamalat Dan Kewangan Islam

	SS	S	TS	STS
Memahami konsep-konsep muamalat dan kewangan Islam	4	35	9	2
	%	70	18	4

Jadual 3.5 menunjukkan skala bagi memahami konsep-konsep muamalat dan kewangan Islam. Sebanyak 70% bersetuju dan 8% sangat setuju bahawa mereka perlu mengetahui dan memahami konsep-konsep muamalat dan kewangan Islam bagi menerangkan serta menjelaskan kepada pelanggan akan produk yang dimiliki secara tidak langsung ini perlu menjadi kemahiran kepada mereka. Namun sebanyak 18% tidak setuju dan 4% pula sangat tidak setuju bahawa mereka memahami konsep-konsep muamalat dalam kewangan Islam.

Jadual 3.6

Kepentingan Bahasa Arab Dalam Urusan Rasmi

	SS	S	TS	STS
Bahasa Arab penting untuk urusan rasmi dalam pentadbiran	1	11	28	10
	%	22	56	20

Jadual 3.6 menunjukkan skala bagi bahasa Arab penting untuk urusan rasmi dalam pentadbiran. Sebanyak 56% dalam kalangan responden menyatakan tidak setuju dan 20% sangat tidak setuju bahawa bahasa Arab penting untuk urusan rasmi dalam pentadbiran kerana responden menggunakan bahasa Melayu sebagai urusan rasmi di Institusi. Namun, sebanyak 22% bersetuju dan 2% sangat setuju menyatakan bahawa bahasa Arab penting untuk urusan rasmi dalam pentadbiran.

Jadual 3.7

Minat Dalam Penguasaan Bahasa Arab Untuk Urusan Muamalat

	SS	S	TS	STS	
Minat untuk menguasai bahasa Arab dalam urusan muamalat	N	3	26	18	3
	%	6	52	36	6

Jadual 3.7 menunjukkan skala bagi berminat untuk menguasai bahasa Arab dalam urusan muamalat. Responden sebanyak 52% bersetuju dan 6% sangat bersetuju bahawa mereka minat untuk menguasai bahasa Arab dalam muamalat. Namun, 36% responden tidak setuju dan 6% sangat tidak bersetuju bahawa mereka berminat menguasai bahasa Arab dalam urusan muamalat.

Jadual 3.8

Kepentingan Pengukuhan Bahasa Arab Muamalat Di Kalangan Pegawai

	SS	S	TS	STS	
Pengukuhan bahasa Arab untuk muamalat penting di kalangan pegawai	N	2	18	22	8
	%	4	36	44	16

Jadual 3.8 menunjukkan skala bagi pengukuhan bahasa Arab untuk muamalat penting di kalangan pegawai. Majoriti responden yang paling tinggi sebanyak 44% tidak bersetuju dan 16% sangat tidak bersetuju pengukuhan bahasa Arab muamalat amat penting di kalangan pegawai disebabkan tiada keperluan tersebut. 36% bersetuju dan 4% responden sangat setuju dengan cadangan pengukuhan bahasa Arab muamalat kerana kepentingan dalam kalangan pegawai menggunakan istilah bahasa Arab.

Jadual 3.9

Menghadiri Kursus Bahasa Arab Bagi Tujuan Muamalat

	SS	S	TS	STS	
Majikan hendaklah menghantar pegawai bagi menghadiri kursus bahasa Arab bagi tujuan muamalat	N	6	19	22	3
	%	12	38	44	6

Jadual 3.9 menunjukkan skala bagi majikan perlu menghantar pegawai untuk menghadiri kursus bahasa Arab bagi tujuan muamalat. Sebanyak 44% dalam kalangan responden tidak setuju dan 6% sangat tidak setuju majikan menghantar pegawai untuk menghadiri kursus bahasa Arab kerana mereka telah banyak disibukkan dengan urusan kewangan. Namun 38% bersetuju dan 12% sangat tidak setuju bahawa majikan perlu menghantar pekerja untuk menghadiri kursus bahasa Arab bagi tujuan muamalat.

Rumusan

Dapatan kajian yang dijalankan membincangkan analisis data dan memaparkan hasil penemuan kajian yang telah dilakukan daripada soal selidik yang telah diisi oleh responden. Data yang telah

dimasukkan diproses bagi mendapatkan statistik seperti nilai peratusan, minimum purata dan taburan kekerapan.

Dapatan daripada maklumat peribadi responden telah mendapati bahawa responden yang dipilih seramai 14 orang lelaki dan 36 orang perempuan. Peringkat umur responden didapati bahawa peringkat umur yang paling ramai ialah responden yang berumur 18 - 29 tahun iaitu 25 orang bersamaan 50% dan diikuti dengan responden yang berumur 30 - 39 tahun iaitu 16 orang bersamaan 32%. Manakala responden yang berumur 40 - 49 tahun adalah sebanyak 6 orang bersamaan 12% dan 50 tahun hanya 3 orang bersamaan 6%. Ini menunjukkan purata kebanyakan pekerja yang menggunakan bahasa Arab di Institusi kewangan (BIMB) dan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk), Ipoh adalah pekerja yang berumur 18 - 29 tahun.

Berdasarkan maklumat yang diperoleh juga, pengkaji mendapati bahawa 12 orang bersamaan 24% daripada 50 orang responden yang menjadikan penggunaan bahasa Arab itu dalam urusan muamalat dan selebihnya iaitu seramai 38 orang 76% tidak menggunakannya dalam urusan muamalat.

Ini menunjukkan secara umumnya bahawa kebanyakan responden kurang akan penggunaan bahasa Arab dalam urusan muamalat. Ini kerana hanya 16 orang atau 32 responden sahaja yang mengatakan bahawa penggunaan bahasa Arab penting dalam muamalat dan 34 orang 68% responden mengatakan tidak penting penggunaan bahasa Arab dalam urusan muamalat.

Bagi pelanggan yang berurusan dengan responden, sebanyak 29 orang pelanggan atau 58% yang memahami konsep dan istilah bahasa Arab dalam produk perbankan seperti contoh *Mudharabah*, *Ijarah*, *Qard Hassan* dan sebagainya. Ini kerana penerangan yang diberikan responden kepada pelanggan kebanyakan menggunakan bahasa Melayu berbanding 21 orang 42% responden yang kurang faham dengan istilah-istilah bahasa Arab yang diguna pakai dalam muamalat.

Di samping itu, 29 orang 58% responden menggunakan istilah-istilah bahasa Arab ketika berurusan di kaunter manakala 21 orang 42% responden tidak menggunakan istilah bahasa Arab ketika berurusan di kaunter. Responden yang pernah menerangkan produk zakat atau perbankan Islam dalam bahasa Arab kepada pelanggan hanya 18 orang iaitu 36% sahaja dan 32 orang 64% tidak pernah menggunakannya bahasa Arab.

Justeru, adalah menjadi suatu keperluan untuk merangka kurikulum atau modul bahasa Arab bagi tujuan muamalat agar ia dapat memahami pegawai akan penggunaan istilah-istilah kewangan Islam.

Rujukan :

1. Nor Zahidah Ahmad & Muhammad Anas al Muhsin (2019). *Analisis Keperluan Bahasa Arab Untuk Pegawai Shariah Di Bank-Bank Islam Di Malaysia: Idea Untuk Pendidikan 4.0*. Muallim Journal of Social Science and Humanities, 3(2), 246-257.
2. Ahmad Farid Fadhli Mustafa, Muhammad Anas al Muhsin & Mohd Yahya Mohd Hussin. (2019). *Keperluan Istilah Arab Di Kalangan Pelanggan Perbankan*. Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED), 4 (18), 1-11.
3. Mohamad Yusoff, Mohamad Fitri & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2014). *Istilah Melayu dan Arab dalam Wacana Muamalat*. Jurnal Bahasa Jilid 14 Bil. 1 2014
4. Ahmad Azrin Adnan. (2010). *Penentu Pemilihan Institusi Perbankan Islam dalam Kalangan Muslim di Terengganu*. Master Thesis, Universiti Sains Malaysia (USM).
5. Ab. Halim Mohamad. (2009). *Tahap Komunikasi dalam Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di IPTA Malaysia*. Journal of Islamic and Arabic Education 1(1) 2009, 1-14